

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN KAMAR KHAS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

Ucapan : Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]
Tajuk : **Pengenaan Caj Pebetungan Indah Water
Ucapan** **Konsortium Sdn. Bhd. (IWK)**
Tarikh : **10 April, 2019 (Rabu)**
Ucapan
Kementerian : **Kementerian Air, Tanah Dan Sumber Asli**

Tuan Yang di Pertua,

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli telah pada pagi ini memberikan jawapan kepada Parlimen berkenaan dengan mekanisme pengiraan tarif pebetungan Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK), tunggakan bil-bil IWK serta cadangan untuk memasukkan bil pebetungan ke dalam bil air.

Caj pebetungan merupakan satu caj hasil daripada pelaksanaan Akta Perkhidmatan Pebetungan 1993 (Sewerages Services Act 1993) dan konsesi telah diberikan kepada Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. Pelaksanaan ini menerima bantahan daripada rakyat yang mana perkhidmatan pebetungan sepatutnya dikendalikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan termasuk dalam Cukai Taksiran yang dikenakan. Caj pebetungan IWK seolah-olah “cukai taksiran kedua” dan ini adalah sebab kenapa rakyat enggan membayar caj yang dikenakan.

Saya ingin menarik perhatian Menteri kepada suatu kes yang diputuskan oleh Mendiang YA Hakim VT Singham di Mahkamah Tinggi Malaya di Ipoh, IWK vs Yong Kon Fatt, yang mana Hakim Mahkamah Tinggi Malaya telah memutuskan bahawa IWK tidak berhak mengenakan caj terhadap pengguna-pengguna tanpa bukti perkhidmatan dikemukakan.

Cadangan untuk memasukkan bil pebetungan ke dalam bil air adalah tidak wajar dan ia akan diambil sebagai suatu pendekatan drastik untuk memaksa pengguna-pengguna membayar bil tersebut.

Saya memohon supaya pihak Kementerian dapat menyatakan kos yang terlibat dalam pemberian perkhidmatan pebetungan secara terperinci.

Saya juga menyeru Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Khas untuk meneliti semula sama ada caj-caj dan tarif pebetungan Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) yang dilaksanakan sejak tahun 1993 wajar diteruskan atau tidak. Pandangan-pandangan daripada kesemua pemegang pertaruhan termasuk pengguna-pengguna harus diambil dalam mencapai satu keputusan yang terbaik.

Sekian, terima Kasih.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) bertanggungjawab memberikan perkhidmatan pembedungan selaras dengan peruntukan undang-undang. Sebelum Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) berkuatkuasa pada 1 Januari 2008, perkhidmatan pembedungan dikawal selia melalui Akta Perkhidmatan Pembedungan 1993 (Akta 508). Berdasarkan peruntukan seksyen 7 Akta 508, Kerajaan Persekutuan diberi kuasa untuk memeterai perjanjian dengan mana-mana kontraktor untuk memberikan perkhidmatan pembedungan. Dalam hal ini, perjanjian konsesi telah ditandatangani antara Kerajaan dengan IWK yang mana pihak IWK diberi kuasa antara lain, untuk mengambil alih pengurusan, pengoperasian dan penyelenggaraan sistem pembedungan awam sedia ada daripada pihak berkuasa tempatan (PBT). Di bawah seksyen 30 Akta 508, IWK diberi kuasa untuk mengutip caj terhadap perkhidmatan pembedungan berdasarkan kadar tarif yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Pembedungan (Caj) 1994.

Berkenaan kes antara Yong Kon Fatt dengan IWK, walaupun keputusan Mahkamah Tinggi Malaya, Ipoh berpihak kepada Yong Kon Fatt, pihak IWK telah mengemukakan rayuan kepada Mahkamah Rayuan. Dalam hal ini,

Mahkamah Rayuan telah memutuskan pada tahun 2007 bahawa IWK berhak mengenakan caj pembedaan berdasarkan perjanjian yang telah dimeterai bersama Kerajaan selaras dengan seksyen 7 Akta 508.

Dengan berkuatkuasanya Akta 655, Akta 508 dimansuhkan. Namun begitu, perundangan subsidiari di bawah Akta 508 masih boleh terus dikuatkuasakan. Di bawah seksyen 191 Akta 655, IWK diberi kuasa untuk menjalankan obligasi di bawah perjanjian konsesi.

Pada masa ini, IWK mengenakan dan mengutip caj perkhidmatan pembedaan selaras dengan seksyen 86 Akta 655 di mana peruntukan ini membenarkan pengebilan bersepadu, dengan izin *joint billing*, melibatkan bil bekalan air dan pembedaan. Dengan pelaksanaan bil bersepadu ini akan memudahkan pengguna untuk membuat bayaran bil bekalan air dan pembedaan.

Kadar perkhidmatan pembedaan semasa tidak mencerminkan perkhidmatan sebenar yang diberikan oleh IWK. Hal ini dapat dilihat berdasarkan kos operasi dalam memberikan perkhidmatan pembedaan jauh lebih tinggi daripada pendapatan yang diperolehi daripada perkhidmatan pembedaan ini. Kos utama dalam memberikan perkhidmatan pembedaan adalah termasuk kos perawatan dan

pelupusan kumbahan serta kos pengendalian dan penyenggaraan sistem pemetungan awam.

Caj perkhidmatan pemetungan bagi pengguna domestik sejak 1997 iaitu antara RM2 hingga RM8 sebulan adalah lebih rendah berbanding dengan kos penyediaan perkhidmatan oleh IWK pada masa ini iaitu di dalam lingkungan RM18 sehingga RM20 sebulan untuk setiap rumah.

Berdasarkan penjelasan yang telah diberikan, caj pemetungan adalah sesuatu yang perlu dijelaskan oleh pengguna selaras dengan peruntukan undang-undang dan juga perkhidmatan pemetungan yang telah diberikan. Caj pemetungan bukan sahaja perlu diteruskan malah caj ini perlu disemak semula demi memastikan kelangsungan perkhidmatan pemetungan pada tahap yang lebih baik kepada rakyat. Ini sekaligus dapat memastikan kumbahan terawat yang dilepaskan ke sungai mematuhi piawaian yang ditetapkan seterusnya dapat memulihara sumber air dan memelihara kelestarian alam sekitar.

Sekian, terima kasih.